

Headline	Pelan perlindungan 50 sen sehari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Aug 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	66
ArticleSize	130 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,364		



Kuala Lumpur

## Pelan perlindungan 50 sen sehari

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd memperkenalkan TokioMarine-StarterPack, pelan perlindungan dasar berpatutan yang menyediakan liputan kematian sehingga RM50,000 pada kadar premium kurang daripada 50 sen sehari.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Toi See Jong berkata, Tokio Marine-Starter Pack dicipta untuk memberikan perlindungan yang paling asas dan penting terhadap risiko utama.

“Matlamat utama kami untuk menjangkau seberapa banyak yang mungkin memerlukan insurans, tetapi berfikir mereka tidak mampu.

“Kami juga memahami keperluan pembeli insurans untuk pulangan percuma, supaya kami boleh membuat pelan mudah yang boleh didapati menerusi platform dalam talian, tanpa memerlukan penaja jaminan perubatan,” katanya dalam kenyataan yang



TOI

dikeluarkan.

Menurutnya, pelan ITU juga relevan kerana Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) mendapati bahawa keluarga golongan berpendapatan berumur di antara 26 hingga 55 mempunyai jurang perlindungan yang besar, manakala mereka yang berusia di bawah 25 mempunyai kebarangkalian agak tinggi tidak memiliki insurans.

Jurang perlindungan bermaksud sejauh mana keluarga yang tidak diinsurans berkenaan berdepan kehilangan pencari nafkah.